

18/07/2000

Mengembalikan keagungan bangsa Melayu

Zakaria Abd Wahab

HANG Tuah pernah mengungkapkan: "Tidak Melayu hilang di dunia."

Persoalannya, jika ditinjau pada perspektif masa kini, adakah masyarakat Melayu masih dihormati?

Sejak berabad lamanya, masyarakat Melayu berjaya membentuk tamadun tersendiri. Sejarah membuktikan betapa orang Melayu muncul sebagai bangsa yang agung. Sejak abad ke-15, sudah wujud pemerintahan Melayu yang cukup terkenal, iaitu Kesultanan Melayu Melaka. Ketika itu, bangsa Melayu dilihat berada di kemuncaknya. Dalam tempoh itu, kota kosmopolitan Melaka menjadi wadah kepada perkembangan politik, ekonomi dan sosial bangsa Melayu. Lahirnya pelabuhan entreport seperti Melaka membawa bersama-sama pelbagai perubahan terhadap sikap dan pendirian orang Melayu ketika itu.

Berlaku satu evolusi pendarjatan bangsa Melayu apabila Bahasa Melayu dinobatkan sebagai lingua franca di merata dunia. Walaupun pada masa yang sama dikatakan terdapat tidak kurang 46 jenis bahasa yang dipertuturkan di kota Melaka, namun Bahasa Melayu menjadi nadi kepada perkembangan sosiobudaya pada detik itu. Justeru, dalam tempoh ini, bangsa Melayu benar-benar berada pada hierarki tinggi di kalangan bangsa dunia.

Anak bangsa Melayu cukup megah dengan anugerah yang mereka terima. Pedagang Melayu tidak hanya menjadi pelayar atau pedagang di rantau ini, bahkan mereka mampu meneroka setiap pelosok dunia dengan membawa hasil bumi Melayu. Barang dagang anak Melayu menjadi sebutan dan rebutan bangsa asing dan lahirlah gelaran seperti 'semanjung emas' yang membuktikan betapa bangsa asing begitu menyanjungi bangsa Melayu.

Tetapi dalam dekad 20-an, keadaan benar-benar berubah seiring dengan perubahan masa dan zaman. Masyarakat Melayu hari ini seolah-olah baru dilahirkan semula tetapi dalam satu paradigma yang cukup lemah, baik dari segi spiritual dan mental. Jika masyarakat Melayu lampau cukup berbangga dengan ketamadunan orang Melayu, hari ini juga anak bangsa Melayu terus dibuai dan dimomok-momokkan dengan kisah silam yang semakin kusam. Seharusnya dalam menempuh perubahan zaman yang semakin rakus dengan prinsip materialistik, bangsa Melayu tidak seharusnya terlupa asal usul mereka.

Sikap dan norma orang Melayu semakin lenyap dalam arus pembangunan. Jika dulu, masyarakat Melayu dibentuk dalam lingkungan adat budaya Melayu, namun hari ini segala-galanya diubah ke dalam satu rangkaian jalinan berteraskan Barat.

Keruntuhan bangsa Melayu semakin nyata. Sedikit demi sedikit bangsa Melayu mula dicanai dalam satu bentuk baru, segala jiwa kemelayuan itu kian pudar dan hilang. Jika ditinjau fenomena pada masa kini, kita sering dipertontonkan dengan segala kelemahan bangsa Melayu. Kita seharusnya berfikir secara positif dan bukan menuding jari menyalahkan sesiapa.

Hari ini bangsa Melayu bukan lagi kaya dengan satu ketamadunan agung tetapi menjadi satu bangsa yang kaya dengan permasalahan. Jika kita intai peristiwa yang berlaku di sekitar kita hari ini, kebanyakan kisah dan pelakornya dimonopoli oleh bangsa Melayu. Ke manakah hilangnya jati diri orang Melayu ketika ini?

Saban hari kita dilayarkan dengan pelbagai perkara yang lebih banyak menjurus kepada kelayuan dan kemunduran orang Melayu. Segala kejadian, terutama yang berlaku di Malaysia, sama ada yang bersifat politik, ekonomi dan sosial dikaitkan dengan orang Melayu. Namun, pandangan negatif sering sinonim dengan orang Melayu. Adakah kita sebagai anak bangsa Melayu harus

terus tunduk diam?

Apa yang cukup menarik untuk disentuh di sini ialah bagaimana kelayuan itu lahir daripada tiga aspek terpenting - ekonomi, sosial dan politik. Dalam melihat dengan lebih nyata, ketiga-tiga aspek ini harus dinilai dalam dua kaedah pemikiran. Namun, bagi menyedarkan bangsa Melayu, adalah lebih baik jika kita lebih banyak menjurus kepada unsur negatif dalam aspek yang akan dibincangkan.

Dalam membicarakan ruang lingkup ekonomi orang Melayu, kita seharusnya berasa betapa bangsa kita begitu jauh ketinggalan. Jika dulu bangsa Melayu dikenali sebagai bangsa pedagang, berkembangnya sistem kapitalis Barat meruntuhkan ekonomi bangsa Melayu. Malah, bangsa Melayu menjadi kumpulan kedua dalam sistem ekonomi, iaitu lebih kepada pengguna dan bukan sebagai pembuat atau pengeluar. Justeru, rata-rata kegiatan ekonomi Malaysia hari ini dikawal oleh bangsa asing.

Daripada sekecil-kecil perniagaan hinggalah kepada perniagaan besar, jarang atau cukup kurang yang membabitkan orang Melayu pada hal kerajaan menyediakan pelbagai peluang dan bantuan. Namun, persoalannya kenapa orang Melayu sendiri tidak mampu mengambil segala peluang yang ada? Adakah kerana sifat orang Melayu yang terbiasa dimanja atau mereka ini sememangnya malas? Jika kita menyoroti sejarah silam, kita dapati bangsa Melayu bukan satu bangsa pasif. Ini terbukti yang mana kini hampir di merata dunia, banyak keturunan Melayu yang rata-ratanya diwujudkan oleh sistem ekonomi itu sendiri.

Kegagalan menguasai ekonomi meletakkan orang Melayu di kelas kedua dalam negara sendiri. Walaupun penafian ini tidak begitu nyata, namun anak Melayu perlu sedar hakikat sebenar. Sampai bilakah kita harus berpeluk tubuh melihat bangsa lain hidup senang sedangkan masih ramai orang Melayu hidup `kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Kita perlu mengikis sikap malas dan sambil lewa dengan apa yang ada. Untuk menjadi bangsa yang benar-benar berjaya, kita seharusnya meningkatkan segala keupayaan dan keyakinan diri bagi mencipta sesuatu yang baru. Jika Jepun dulunya hanya sebuah negara lemah, lantaran keadaan bentuk muka bumi yang tidak menggalakkan untuk melakukan banyak aktiviti ekonomi, tetapi mengapa hari ini bangsa Jepun menjadi bangsa yang cukup berjaya dan dihormati? Tetapi tidak pada kita sedangkan di Malaysia, kita mempunyai kelebihan yang tidak terdapat di Jepun.

Sepatutnya orang Melayu bersyukur dengan apa yang dilakukan oleh pemerintah masa kini. Banyak kemudahan disediakan daripada institusi perbankan, pendidikan, kesihatan sehinggalah kepada permasalahan yang dianggap remeh masih ditanggung kerajaan. Selain itu, kerajaan berusaha membawa pelabur asing datang untuk menanam modal di Malaysia tetapi anak Melayu masih dibuai mimpi yang tidak berkesudahan.

Dalam membicarakan aspek sosial pula, kita sebagai suatu bangsa yang bertamadun sepatutnya peka dengan apa yang anak bangsa kita lakukan hari ini. Namun, melihat situasi terkini, bangsa Melayu sedang dilanda dengan kejatuhan akhlak yang cukup drastik. Adalah lebih menarik untuk kita melihat kelemahan bangsa kita sendiri daripada terus memuji. Ini kerana dengan menyedari kesilapan yang kita lakukan, sedikit sebanyak dapat membantu kita memperbaiki segala kesilapan yang berlaku.

Ketika ini, bangsa Melayu sedang menghadapi saat kritikal dengan kemunculan pelbagai gejala yang amat mengaibkan. Jika kita perhatikan di sekeliling kita, kebanyakan masalah sosial yang melanda negara ini sering dikaitkan dengan bangsa Melayu. Apa saja kejadian yang berlaku, pasti bangsa Melayulah yang jadi pemenangnya - daripada kes pembuangan anak, penyalahgunaan dadah, ponteng sekolah dan kini dihangatkan pula dengan isu gangsterisme. Apa yang pasti, kelemahan mental dan spiritual bangsa kita sendiri yang menjadikan kita terlalu rapuh dalam menghadapi perjuangan

hidup.

Anak-anak Melayu cukup bangga jika mereka menjadi kepala samseng. Jika di sekolah, sesiapa samseng dialah berkuasa. Pada kebiasaannya, asas yang dibentuk pada peringkat awal inilah yang sering mencorak hidup anak Melayu.

Jika diintai pula dari sudut politik, kita akan mendapati asas kesatuan untuk melahirkan satu entiti yang ampuh agak payah. Dengan merujuk kembali kepada sejarah Melayu, kita akan dapat menghayati dan melihat bagaimana orang Melayu ketika itu mempunyai satu dimensi politik yang asas, namun pelbagai kemelut lahir daripada proses pemajmukan bangsa. Kewujudan pelbagai badan politik dilihat sebagai satu wadah untuk melahirkan negara bangsa yang terbaik di rantau ini, namun kemelut sesama mereka menjadikan betapa politik itu dilihat sebagai suatu yang kotor.

Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bukan Melayu mungkin menjadi Perdana Menteri suatu hari nanti. Jika keadaan ini berlaku, apa akan jadi kepada bangsa Melayu? Luahan Dr Mahathir itu membuktikan betapa hari ini anak bangsa kita masih tidak mampu untuk bersatu padu dalam hal politik. Justeru, kita sebagai bangsa yang dulunya cukup terkenal, perlulah menilai diri kembali. Kita perlu bangkit semula dan mengembalikan keagungan bangsa.

(END)